

**MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
“WANITA BANGKIT MENDEPANI CABARAN”**

**8 MAC 2021 (ISNIN)  
JAM 10.30 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS BAWAH  
BLOK F9, KOMPLEKS F  
PUTRAJAYA**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM  
SEJAHTERA DAN SALAM PERPADUAN

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS.

**YBHG DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MD RADZI**  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**YBHG. DATO 'INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**(ISTERI KP JPNIN DAN KP MITRA)**

**YBRS PUAN ZAHARIAH BINTI MOHD SARIF**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN PENGURUSAN

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA-KETUA UNIT KPN

PENGARAH-PENGARAH JPNIN IBU PEJABAT DAN NEGERI

AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA KPN;

PUAN-PUAN, WARGA WANITA KPN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

1. ALHAMDULILLAH TERLEBIH DAHULU SAYA MEMANJAT RASA KESYUKURAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA, KITA DAPAT BERKUMPUL PADA HARI INI UNTUK SAMA-SAMA MERAIKAN DAN MENYAMBUT HARI WANITA KEBANGSAAN 2021 PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA.
2. TERIMA KASIH KEPADA SEMUA WARGA WANITA KPN YANG DAPAT HADIR BAGI MERAIKAN HARI KHAS UNTUK KITA, PARA WANITA.

3. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, KPN MEMPUNYAI **4,306** DARI JUMLAH WARGA KERJA WANITA TERMASUK DARI JPNIN DAN MITRA :

<b>AGENSI</b>	<b>JUMLAH PENGISIAN WARGA KERJA WANITA</b>	<b>PERATUSAN (%)</b>
KEMENTERIAN PERADUAN NEGARA	99	53.8
MITRA	9	42.85
JPNIN (IBU PEJABAT)	88	55.00
JPNIN (NEGERI)	4,110	93.54
<b>JUMLAH</b>	<b>4,306</b>	<b>90.00</b>

PUAN-PUAN, WARGA WANITA KPN

4. WANITA ADALAH PENDOKONG DAN PEMBAWA OBOR DALAM MENGUKUHKAN IKATAN PERPADUAN DALAM KELUARGA DAN KOMUNITI.

5. SAMBUTAN HARI WANITA PADA TAHUN INI ADALAH SIMBOLIK TANDA PENGHARGAAN KERAJAAN INI TERHADAP PERANAN PENTING WANITA SEBAGAI PENGGERAK UTAMA KEMAJUAN NEGARA, PEMBANGUNAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN PENGUKUHAN MASYARAKAT YANG PENYAYANG. NEGARA MENYANJUNG SUMBANGAN WANITA DALAM PELBAGAI SEKTOR SEPERTI EKONOMI, PENDIDIKAN, KESIHATAN, SOSIAL DAN LAIN-LAIN.
  
6. TEMA SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN INI IAITU **“WANITA BANGKIT MENDEPANI CABARAN”** ADALAH BAGI MENGANGKAT SEMANGAT JUANG WANITA YANG TIDAK MENGENAL PENAT LELAH DALAM MENGHARUNGI CABARAN KEHIDUPAN TERUTAMANYA SEMASA MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19.
  
7. HAMPIR SETAHUN KITA MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19 SEBAGAI ANAK, IBU DAN PEKERJA NAMUN KITA BERJAYA MELALUINYA DAN **KITA TETAP BANGKIT MENDEPANI CABARAN INI.**

8. SESUNGGUHNYA WANITA MERUPAKAN PERINTIS KEMAJUAN GENERASI. DENGAN ITU, MEMANG WAJARLAH SAMBUTAN INI DIADAKAN BAGI MENGHARGAI JASA DAN PENGORBANAN WANITA KEPADA KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA.
  
9. AKHIR KATA, TAHNIAH DAN SYABAS SEKALI LAGI KEPADA SEMUA PARA WANITA WARGA KERJA KPN KERANA TELAH MEMBERIKAN KOMITMEN DAN DEDIKASI YANG TINGGI KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN TERBAIK UNTUK ORGANISASI KITA.
  
10. SAYA BERHARAP AGAR HADIRIN SEMUA AKAN TERUS BERILTIZAM UNTUK MELAKSANA DAN MENJAYAKAN AGENDA PERPADUAN YANG DIRANCANG DAN MENGEKALKAN SEMANGAT BEKERJA SEBAGAI SEBUAH PASUKAN (*TEAMWORK*).
  
11. SEMOGA SEGALA USAHA YANG TELAH DIRANCANG AKAN TERUS DIRAHMATI DAN DIBERKATI OLEHNYA.

12. SEKALI LAGI, SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA JAWATANKUASA  
PENYELARAS KPN DAN SEMUA PIHAK YANG TELAH  
MENJAYAKAN SAMBUTAN HARI WANITA 2021 PADA TAHUN INI.

**SELAMAT HARI WANITA 2021**, SESUNGGUHNYA DIRIMU AMAT  
BERHARGA, WANITA WAJA NEGARA.

SEKIAN.

WABILLAHITAUFIK            WALHIDAYAH            WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.